

AELM Ke-31 bincang pertumbuhan ekonomi Asia Pasifik

**Daripada
Kamarulzaidi
Kamis**
*kamarulzaidi
@bh.com.my*
di Lima, Peru



Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC (AELM) Ke-31 yang berlangsung dari 14 hingga 16 November ini bertemakan ‘Empower. Include. Grow’ akan menyaksikan pemimpin ekonomi Asia Pasifik berkumpul untuk memperkukuh pertumbuhan mampan dan pembangunan inklusif di rantau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat utama itu diiringi Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz serta Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid,

berkata penyertaan Malaysia dalam APEC sememangnya akan mengukuhkan lagi kedudukan negara dalam arena perdagangan antarabangsa serta menjadi platform utama bagi pelbagai perniagaan di Malaysia, khususnya dalam integrasi dengan rantaian perniagaan global, pemindahan teknologi dan pembinaan keupayaan terutamanya bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

“Dalam konteks semasa yang mana konflik perdagangan antarabangsa antara kuasa-kuasa besar sering dilihat sebagai faktor risiko utama, mesyuarat APEC dapat membuka ruang yang kondusif bagi negara-negara terbabit untuk mencapai konsensus yang meraihan aspek globalisasi,” katanya.

Selain daripada penyertaan dalam AELM, Anwar juga akan turut serta dalam Dialog Tidak Formal Pemimpin Ekonomi APEC bersama Tetamu, Dialog Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) dengan Pemim-

pin Ekonomi APEC, serta perjumpaan dengan pemimpin industri yang diatur oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

“Perbincangan ini bertujuan meraih potensi pelaburan yang akan mencipta peluang pekerjaan berkualiti tinggi di Malaysia, selaras keutamaan strategik yang digariskan dalam Kerangka Ekonomi MADANI, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan inisiatif ekonomi negara yang lain,” kata MITI dalam kenyataan.

MITI juga menjelaskan sempena lawatan rasmi ke Lima, Anwar dijadualkan mengadakan pertemuan dua hala dengan beberapa rakan sejawat untuk memperkukuh hubungan diplomatik Malaysia, meneroka peluang integrasi ekonomi yang lebih mendalam dalam APEC, serta membincangkan bagaimana perdagangan dan pelaburan dapat membantu mengurangkan kesan cabaran geopolitik dan geoeкономи semasa.

Secara keseluruhannya, persidangan kali ini dimulakan dengan APEC CEO Summit 2024 pada Rabu malam dengan resepsi bertemakan ‘Gerbang Meraih Peluang Terbuka’ yang turut dihadiri oleh pemimpin-pemimpin global.

Sementara itu, salah satu yang dijangka menjadi tumpuan utama pada persidangan kali ini juga adalah sesi yang membincangkan ‘Opportunities and Challenges in the AI Revolution’, di mana Anwar turut menyampaikannya pandangan mengenai potensi transformasi ekonomi yang dibawa oleh kecerdasan buatan (AI).

Dalam sesi berkenaan, beliau dijangka menekankan bagaimana AI dapat mempercepatkan pembangunan ekonomi, terutamanya di Asia Tenggara.

Sesi ini turut disertai oleh beberapa tokoh ternama dalam industri teknologi, termasuk Zia Mansoor, Naib Presiden Korporat, Data & AI, Microsoft; Yangbin Wang, Ketua Pegawai

Eksekutif Vobile dan Karan Bhatta, Ketua Global, Hal Ehwal Kerajaan & Dasar Awam, Google.

Sementara itu, turut dijangka menarik perhatian adalah pada hari kedua APEC CEO Summit 2024 iaitu membabitkan sesi perbincangan dengan topik ‘The Future of Financial Inclusion and Digital Payments.’

Sesi ini membincangkan peranan penting pembayaran digital dalam mendorong pertumbuhan ekonomi, termasuk peranan TikTok dalam memacu inklusi kewangan.

Shou Chew, Ketua Pegawai Eksekutif TikTok, turut dijemput berkongsi pandangan mengenai cara platform media sosial ini menghubungkan perniagaan dan pengguna di seluruh dunia.

Dengan lebih daripada 1 bilion pengguna aktif, TikTok dianggap sebagai pemacu utama dalam ekonomi digital, merubah cara perniagaan berinteraksi dengan konsumen melalui pemasaran digital dan jualan dalam talian.